

Imbangi ilmu agama, sekular: Mahathir

D.H. 10 SEP 1993
KUALA TERENGGANU, Khamis — Kelemahan umat dan negara Islam ketika ini berpunca daripada kesalahan sendiri kerana memisahkan ilmu dengan membahagikannya kepada apa yang dikatakan ilmu agama dan sekular, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, umat Islam bersalah kerana membahagikan ilmu di antara agama dan sekularisme sedangkan apa yang dikatakan sekular tidak pernah wujud dalam Islam tetapi ditafsirkan oleh pengikut agama lain.

"Oleh kerana kita terpengaruh dan takut ilmu lain akan memberi kuasa kepada golongan lain daripada orang yang ber-

pengetahuan agama, maka hari ini kita menjadi satu tamadun yang amat lemah.

"Hari ini kita dapati bahawa tidak banyak yang dapat kita tunjukkan mengenai kejayaan tamadun Islam kerana kebanyakannya adalah apa yang berlaku di zaman (dahulu) apabila segala ilmu dipelajari oleh umat Islam," katanya merasmikan Ekspo Tamadun Islam di Stadium Negeri di sini hari ini.

Hadir sama ialah Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad; Menteri Perusahaan Awam, Datuk Dr Yusof Nor; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman dan Penga-

rah Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (Kusza), Dr Ahmad Ibrahim Shukri.

Ekspo itu yang diadakan sempena ulang tahun ke-10 Kusza selama dua minggu mulai hari ini, memaparkan kesan peninggalan sejarah dan hasil kesenian umat Islam dari seluruh dunia sejak zaman kegemilangannya.

Bahan yang dipamerkan termasuk dari Arab Saudi, Iran, Turki dan Sepanyol.

Perdana Menteri berkata, tumpuan umat Islam yang terhad menyebabkan tamadun Islam tidak berkembang dan gagal menarik perhatian serta penghormatan daripada pihak lain.

Menurutnya, umat Islam begitu lemah sehing-

ga tidak boleh membantu saudara seagama mereka kerana membiarkan ilmu yang penting bagi mempertahankan agama dipisahkan daripada ummah.

"Kita lihat bagaimana kuasa besar mengambil pelbagai tindakan yang menindas umat Islam. Tetapi oleh kerana tidak ada kuasa besar Islam di dunia ini, kita terpaksa menerima sahaja," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia cuba setakat yang mampu untuk membantu tetapi kemampuan itu terhad dan tidak boleh dilakukan secara berkesan.

Menurutnya, umat Islam boleh mendakwa mengenai kebesaran Islam

LIHAT MUKA 2

Imbangi ilmu agama, sekular

DARI MUKA 1 D.H. 10 SEP 1993

tetapi ia hanya berkesan kepada golongan yang percaya sedangkan orang lain tidak nampak kebesarannya kerana mereka melihat betapa lemahnya umat Islam dan negara Islam.

"Tidak ada gunanya kita berkata bahawa Islam adalah 'Addin' atau cara hidup kerana ia tidak terbukti dalam apa yang kita lakukan.

"Mungkin kita berkata bahawa tak perlu kita me-

mentukan pihak lain menghormati Islam asalkan kita cukup Islam, asalkan kita amal segala ibadat yang dikehendaki Islam.

"Tetapi harus kita ingat, terutama kita orang Melayu yang beragama Islam di Malaysia ini, bahawa jika tidak kita memandang tinggi kepada penganut Islam yang datang ke pantai kita (sekitar 1350 Masihi), kita juga tidak akan menerima

agama Islam," katanya.

Perdana Menteri berkata, apabila umat Islam membenarkan diri menjadi mundur, ia sebenarnya menunjukkan tidak ada usaha ke arah amalan agama.

Menurutnya, jika umat Islam cuma menumpukan kepada akhirat secara peribadi dan tidak memikirkan mengenai nasib orang lain, ia mencerminkan pandangan yang cetek terhadap Islam.